

Headline	Taman Negara Niah diiktiraf Tapak Warisan Arkeologi Dunia		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	29 Jul 2024	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	203 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,892
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,676



Taman Negara Niah diiktiraf Tapak Warisan Arkeologi Dunia

KUALA LUMPUR: Malaysia sekali lagi mengukir kejayaan di persada dunia apabila Kompleks Gua Taman Negara Niah di Sarawak diiktiraf sebagai Tapak Warisan Arkeologi Dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dalam kenyataan kelmarin memaklumkan pengiktirafan itu diumumkan pada 7.00 malam waktu tempatan ketika sesi Mesyuarat Jawatankuasa Warisan Dunia ke-46 berlangsung yang bermula 21 dan berakhir pada 31 Julai di New Delhi, India.

Menurut kenyataan itu, pengiktirafan berprestij berkenaan telah diputuskan oleh 21 ahli Negara Anggota Jawatankuasa Warisan Dunia yang dipengerusikan oleh wakil dari India.

"Usaha pencalonan Tapak Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah ini telah bermula sejak 2019 dengan dokumen Senarai Tentatif telah dihantar kepada pihak UNESCO pada 22 Januari 2021 dan pada 31 Januari 2023, dokumen pencalonan telah dikemukakan secara serahan tangan kepada pihak Sekretariat UNESCO di Paris, Perancis," katanya.

Pengiktirafan itu menyaksikan Malaysia secara keseluruhannya berjaya menyenaraikan lima Tapak Warisan Dunia UNESCO termasuk Taman Negara Gunung Mulu dan Taman Kinabalu pada 2000, Bandar Bersejarah Selat Melaka dan George Town (2008)

serta Warisan Arkeologi Lembah Lenggong (2012).

Menurut MOTAC, penyenaraian di bawah Senarai Warisan Dunia UNESCO dikehjarn oleh seluruh negara kerana ia adalah pengiktirafan tertinggi di peringkat dunia bagi tapak warisan.

"Selain mempromosi dan mengetahahkan tapak warisan negara di peringkat global, pengiktirafan ini turut menunjukkan komitmen Malaysia dalam melindungi tapak-tapak warisan tempatan."

"Secara tidak langsung, pengiktirafan ini juga akan meningkatkan keterlihatan Malaysia di mata dunia sekali gus akan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong," katanya.

MOTAC turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan serta kerajaan Sarawak dalam memastikan usaha pencalonan dapat berjalan dengan lancar.

Sehingga kini, sejumlah 1,199 kawasan dari seluruh dunia telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia di bawah Konvensyen Perlindungan Warisan Budaya dan Semula Jadi Dunia 1972.

Malaysia kini berusaha mencalonkan beberapa lagi kawasan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO iaitu FRIM Forest Park Selangor, Taman Negeri Royal Belum dan Pusat Kawalan Kusta Negara.-Bernama